

TENTATIF

MAJLIS PERASMIAN BULAN BAHASA KEBANGSAAN

- 7.30 Pagi
- : Nyanyian Lagu Negaraku
 - : Nyanyian Lagu Negeri Selangor
 - : Nyanyian Lagu Setia
 - : Bacaan Doa
 - : Ucapan **Pengetua SMK Assunta**
Puan Teresa Chan Jei Chiang
 - : Gimik Perasmian
 - : Bacaan Ikrar Setia Bahasa
 - : Nyanyian Lagu
(Bahasa Jiwa Bangsa)
 - : Persembahan murid
 - : Senamrobik
 - : Nyanyian Lagu Sekolah
- 8.30 Pagi
- : Majlis Bersurai



LIRIK LAGU BAHASA JIWA BANGSA

Gunakanlah bahasa kebangsaan kita
Marilah amalkan ramai-ramai
Bahasalah menyatukan kita semua
Yakinlah bahasa jiwa bangsa

Marilah mari rakyat semua
Buktikan taat setia dengan satu bahasa
Maju bangsa dan maju negara
Megahkan bahasa kita
Bahasa jiwa bangsa

IKRAR SETIA BAHASA

Kami rakyat Malaysia, berikrar akan terus setia memperjuangkan bahasa Kebangsaan sebagai:

- ☐ Bahasa yang mencipta kedaulatan bangsa.
- ☐ Bahasa kesatuan politik, ekonomi, budaya, sosial, pendidikan, sains dan teknologi serta pembangunan negara yang menjamin kelangsungan bangsa Malaysia.
- ☐ Bahasa yang menjaga dan memupuk kebebasan intelektual serta memerdekakan pemikiran bangsa, dan
- ☐ Bahasa yang membawa, memelihara, mencipta, menyalurkan serta mengembangkan ilmu dan tamadun di negara dan di dunia.

Sesungguhnya, kami bertekad akan meneruskan perjuangan ini.

LAGU SETIA

Demi negara yang tercinta
Di curahkan bakti penuh setia
Demi raja yang disanjung tinggi
Kesetiaan tak berbelah bagi

Kepada pemimpin kepada rakyat
Khidmat diberi penuh taat
Sama bekerja sama berusaha
Setia berkhidmat untuk semua

Rela berkorban apa saja
Amanah bangsa tetap dijaga
Kami berikrar penuh setia
Untuk agama, bangsa dan negara



SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN ASSUNTA
JALAN CHANGGAI
46000 PETALING JAYA, SELANGOR

Pelancaran
BULAN
BAHASA
KEBANGSAAN
بولن بهاس كېڤڤسان

Peringkat Sekolah

“BAHASA JIWA BANGSA”



11 Oktober 2019



7.30 Pagi



Galeri Assunta

PENDAHULUAN

Selaras dengan Dasar Pelajaran Kebangsaan yang termaktub dalam Akta Pendidikan 1996, Bahasa Melayu ialah mata pelajaran teras semua sekolah rendah dan menengah.

Pendidikan Bahasa Melayu berhasrat membina rasa bangga terhadap bahasa yang mencerminkan akal budi dan pemikiran rakyat, juga berperanan sebagai pemangkin kepada semangat cinta akan tanah air yang dikongsi bersama oleh semua rakyat dalam satu wawasan.

RASIONAL

Sekolah menjadi wahana dalam usaha mendaulatkan dan memperkasa Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Lantaran itu, pelbagai aktiviti mampu dijalankan bagi menarik penyertaan warga sekolah khususnya murid-murid agar lebih mahir berkomunikasi dan seterusnya melahirkan semangat cinta akan bahasa kebangsaan.

OBJEKTIF

- ▣ Mendedahkan keunikan Bahasa Melayu dari pelbagai aspek.
- ▣ Meningkatkan penghayatan terhadap kehalusan budaya di sebalik kewujudan Bahasa Melayu.
- ▣ Menimbulkan minat dalam kalangan individu untuk menguasai Bahasa Melayu.
- ▣ Melahirkan individu yang menghayati dan mengamalkan nilai murni, sikap positif dan semangat patriotik bertunjangkan Bahasa Melayu.

AKTIVITI

TARIKH/ MASA	AKTIVITI	SASARAN/ TINGKATAN	GURU	TEMPAT
11 OKT 2019 7.30-8.30	MAJLIS PELANCARAN	TING 3 & TING 5	ROZAINI, SITI KHATIJAH	GALERI
14 OKT – 17 OKT 2019 IKUT JADUAL	KUIZ BAHASA	KELAS PERALIHAN, TING 1 & TING 2	SITI PATIMAH AISHAH	PERALIHAN - KELAS TING 1 & 2 - BILIK KULIAH
16 OKT 2019/ 7.30 - 10.00	PERMAINAN TRADISIONAL	SEMUA TING 3	SITI KHATIJAH ATIKA MARLIZAN	GALERI
16 OKT 2019/ 10.20-1.20	KUIZ BAHASA	SEMUA TING 3	SITI KHATIJAH NORHIDAYAH ANIZAN	GALERI
18 OKT 2019 7.30-10.00	SKETSA BAHASA LATIHAN	SEMUA TING 3	ATIKA FOO NORMIRA SITI KHATIJAH ATIKA AZIMA	GALERI
10.20-12.20	PERTANDINGAN			GALERI
22 OKT 2019 7.30-10.00	PERTANDINGAN FESYEN BAJU KEBANGSAAN	SEMUA TING 3	ATIKA NORMIRA NORHIDAYAH	GALERI
10.20-1.20	PERTANDINGAN NYANYIAN SOLO LAGU MELAYU		VASUKI HERDAWATI ANAS SITI KHATIJAH	GALERI
24 OKT 2019 4.30-6.50	PERTANDINGAN FESYEN BAJU KEBANGSAAN	KELAS PERALIHAN, TING 1 & 2	SITI SALNIZA HAFIZA ABDUL RAZAK SITI AMALINA	GALERI
30 OKT 2019 4.30-6.50	BAKAT ASSUNTA	KELAS PERALIHAN, TING 1 & 2	SITI SALNIZA SITI PATIMAH NOR RAIMIE	GALERI
31 OKT 2019 12.30-1.20	MAJLIS PENUTUPAN	SEMUA TING 3	ROZAINI SITI KHATIJAH AZIMA	GALERI
1.20-1.50		KELAS PERALIHAN, TING 1 & 2	SITI SALNIZA AISHAH ROSALMA	GALERI

JAWATANKUASA



PENGERUSI : Pn. Teresa Chan Jei Chiang (Pengetua)
 N. PENERGUSI 1 : Pn. Salina binti Saidi (PK Kokurikulum)
 N. PENERGUSI 2 : Pn. Norwati binti Ramli (PK Pentadbiran)
 N. PENERGUSI 3 : Pn. Zainon binti Sulaiman (PK HEM)
 PENYELARAS : Pn. Sunita Devi a/p Om Prakash Sharma
 (GKMP Bahasa)
 KETUA PANITIA : Pn. Rozaini binti Ahmad

PERASMIAN PELANCARAN / PERASMIAN PENUTUPAN
 Pn. Rozaini binti Ahmad

BUKU PROGRAM DAN GEGANTUNG
 Pn. Wan Aida Sabreena binti Che Wan Bakar

PENGURUS PEMENANG
 Semua Guru Bahasa Melayu Sesi Pagi dan Sesi Petang

JURUACARA
 Pn. Rozaini binti Ahmad

BACAAN DOA
 Pn. Zakiah binti Daud

SISTEM AUDIO
 Pn. Nurul Aini binti Mohd Nor Alam

HADIAH DAN CENDERAMATA
 Pn. Azhana binti Che Azli

JURUGAMBAR DAN DOKUMENTASI
 Pn. Norfasiah binti Mohd Razali